



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at
<https://jcis.uitm.edu.my/>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(1) 2024.

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Sorotan Kajian Lepas: Trend Kesejahteraan Warga Emas di Malaysia dan Indonesia antara tahun 2015-2020 (Literary Review: Trends in the Well-being of the Elderly in Malaysia and Indonesia between 2015-2020)

Nurul Hidayawatie Mustaffa¹, Noor Shakirah Mat Akhir^{1*}, Roshimah
Shamsudin¹

¹*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia*

ARTICLE INFO

Article history:

Received 1 November 2023
Accepted 18 January 2024
Published 2 April 2024

Keywords:

elderly
spiritual
trends
vulnerable
well-being

Katakunci:

kerohanian
kesejahteraan
rentan
trend
warga emas

DOI:

10.24191/jcis.v10i1.3

ABSTRACT

Elderly people are vulnerable because they are susceptible to various health problems due to the aging process. Therefore, the elderly's well-being needs close attention to ensure they live in serenity and happily in their old age. Islam encourages Muslims to be kind towards the elderly, especially their own parents. This study aims to discuss the well-being of the elderly in Malaysia and Indonesia. The review aims to obtain the trends of studies in elderly's well-being in Malaysia and Indonesia, between the year 2015 to 2020. This study used a qualitative method that examined scholarly works by local researchers within the five-year period (2015 – 2020). The study found three aspects of similarities in the trend of these studies from both countries, namely the factors that influenced the well-being of the elderly, the role of the authorities, and the role of the elderly care and activity centres. Spiritual practices and social interaction were identified as crucial elements which influenced the well-being of the elderly. These findings hold great significance in enhancing and empowering the quality of life and well-being of the elderly within both countries.

^{1*} Corresponding author. *E-mail address:* shakirah@usm.my
10.24191/jcis.v10i1.3

ABSTRAK

Warga emas merupakan golongan rentan yang mudah terdedah kepada pelbagai masalah kesihatan disebabkan proses penuaan yang dialami. Oleh itu, kesejahteraan warga emas perlu diberi perhatian agar golongan ini dapat menghadapi hari tua dengan tenang dan gembira. Islam turut menyarankan agar umat Islam sentiasa berbuat baik kepada warga emas, terutamanya kepada ibu bapa. Kajian ini bertujuan membincangkan kesejahteraan warga emas di Malaysia dan Indonesia, bagi mendapatkan trend kajian kesejahteraan warga emas di Malaysia dan Indonesia dengan menyoroti kajian akademik antara tahun 2015 hingga tahun 2020. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menyoroti karya ilmiah oleh penyelidik tempatan dalam tempoh lima tahun (2015 – 2020). Kajian mendapati trend kajian kesejahteraan oleh sarjana tempatan dari kedua-dua buah negara mempunyai persamaan dalam tiga aspek iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan warga emas, aspek peranan pihak berwajib serta aspek peranan pusat aktiviti dan jagaan warga emas. Amalan kerohanian dan interaksi sosial merupakan elemen penting yang mempengaruhi kesejahteraan warga emas. Dapatan kajian ini secara signifikan dapat meningkatkan dan memperkasakan kualiti hidup dan kesejahteraan warga emas di kedua-dua buah negara.

PENGENALAN

Menurut Ismail et al. (2017), terdapat pelbagai takrifan warga emas yang dikemukakan oleh para sarjana. Takrifan tersebut berbeza mengikut bidang kajian masing-masing. Bagi kajian dalam bidang sains sosial, definisi warga emas bergantung kepada persepsi budaya dan generasi yang berbeza-beza. Manakala, warga emas dalam bidang ekonomi pula ditakrifkan sebagai individu yang telah bersara dari dunia pekerjaan. Selaras dengan itu, para pengkaji lain khususnya ahli sains tingkah laku menjadikan umur persaraan sebagai garis pemisah antara golongan dewasa dan tua.

Di Malaysia, warga emas bermaksud golongan yang berusia 60 tahun ke atas berdasarkan takrifan yang dibuat dalam *World Assembly on Ageing 1982* di Vienna (United Nations (UN), 1982; Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2022; Misnaniarti, 2018). Usia 60 tahun yang disebut dalam takrifan tersebut merupakan had umur persaraan kekal bagi penjawat awam di Malaysia. Maksud warga emas di Indonesia juga adalah sama sebagaimana yang difahami di Malaysia, iaitu merujuk kepada individu yang telah mencapai usia 60 tahun atau pun lebih. Namun, istilah warga tua adalah lebih sinonim dengan masyarakat dan disebut sebagai lanjut usia (*lansia*) dalam bahasa Indonesia (Astina, 2014).

Idea tentang kesejahteraan dibincangkan oleh Diener (1984) yang membahagikan kesejahteraan dan kebahagiaan kepada tiga kategori iaitu kebaikan/kemuliaan, kepuasan hidup serta mengalami perasaan yang menyenangkan. Selain Diener (1984), idea kebahagiaan sejati (*authentic happiness*) atau psikologi positif (*positive psychology*) diketengahkan oleh Seligman (2011) yang menekankan tiga elemen kebahagiaan sejati, iaitu emosi positif (contoh: perasaan seronok, selesa), penglibatan dalam aktiviti berfikir dan perasaan (contoh: bertafakur), serta makna (mencapai makna dan tujuan kehidupan). Kesejahteraan bermaksud keselamatan, kesenangan, kesentosaan dan ketenteraman (Kamus Dewan, 2017). Kesejahteraan dan kebahagiaan dapat dicapai melalui amalan penyucian diri seperti berzikir dan bermuhasabah diri dan melalui muamalah, seperti hubungan yang baik sesama ahli keluarga dan ikatan perkahwinan (Al-Ghazālī, 2004). Penyucian jiwa dapat melahirkan akhlak yang mulia dan boleh melahirkan kebaikan/kemuliaan serta mencapai makna dan tujuan kehidupan (Akhir & Sabjan, 2014; Diener, 1984; Seligman, 2011).

Warga emas di Malaysia dibahagikan kepada empat kategori iaitu tidak sihat dan tidak berkemampuan, tidak sihat dan berkemampuan, sihat dan tidak berkemampuan, dan akhir sekali sihat dan berkemampuan (JKM, 2017). Terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh warga emas di Malaysia iaitu dari aspek kesihatan, ekonomi, sosial, psiko-spiritual, dan juga persekitaran (Bakeri, 2020). Warga emas di Indonesia pula menghadapi empat masalah kesihatan yang berkait dengan proses penuaan, iaitu, gangguan peredaran darah, gangguan metabolisme hormon, gangguan sendi dan pelbagai masalah yang berkaitan neoplasma (Misnaniarti, 2018). Antara masalah yang dihadapi warga emas di Indonesia ialah kemiskinan, lemah fizikal, kurang komunikasi atau perhubungan sosial, serta kurang diberi perhatian terutamanya dalam aspek kesihatan, kerohanian, akhlak dan amalan ibadah (Setiamanah, 2017). Islam menggalakkan agar kesejahteraan warga emas sentiasa dipelihara, dengan sentiasa berbuat baik kepada mereka terutamanya, ibu bapa. Perkara ini disebutkan dalam al-Qur'an;

“Dan, berbuat baiklah kepada kedua orang tua (ibu bapa).” (Sūrah an-Nisā', 4: 36)

Berdasarkan tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* oleh Sayyid Quṭb (1966), ayat ini menerangkan akan keperluan layanan yang baik kepada kaum keluarga terdekat, terutamanya ibu bapa. Hal ini turut menunjukkan keutamaan ibu bapa sebagai kaum keluarga terdekat yang perlu diberi perhatian, sebelum seseorang itu berbuat baik kepada orang lain. Didikan yang baik bermula dari rumah, dan seseorang yang berbuat baik kepada ahli keluarganya, tentunya dapat berbuat baik kepada masyarakat secara umum (Quṭb, 1966). Hadis Nabi SAW turut pernah menyebutkan perkara ini;

Diriwayatkan oleh Al-Walid bin 'Aizar: Aku mendengar Abu 'Amr Ash-Shaibani berkata, "Pemilik rumah ini seraya menunjuk dengan tangannya ke rumah 'Abdullah, berkata, *Aku bertanya Nabi SAW: "Apakah amalan yang paling disukai Allah?" Baginda SAW menjawab: "Menunaikan solat pada awal waktu." 'Abdullāh bertanya: "Selepas itu?" Baginda SAW menjawab: "Berbuat baik kepada ibu bapa."* (Al-Bukhārī, 1997)

Ibn Hajar al-'Asqalānī (1449), telah membincangkan syarah hadis ini (berkenaan berbuat baik kepada ibu bapa) dalam karyanya yang berjudul *Fath al-Bārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Menurut Ibn Hajar, menghormati orang tua (ibu bapa) termasuk dalam akhlak yang mulia, perbuatan yang terpuji dan merupakan amalan yang digalakkan dalam Islam.

Berdasarkan perbincangan, walaupun terdapat kajian tentang masalah warga emas di Malaysia dan Indonesia, tetapi masih belum diketahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan warga emas di kedua-dua buah negara serta masih belum jelas usaha pihak berwajib dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas. Islam turut menggalakkan agar umatnya sentiasa berbuat baik kepada golongan warga emas, terutamanya ibu bapa.

Oleh itu, kajian ini membincangkan kesejahteraan warga emas di Malaysia dan Indonesia bagi meneliti trend kajian kesejahteraan warga emas di Malaysia dan Indonesia dengan menyoroti karya ilmiah oleh penyelidik tempatan. Perbincangan ini penting agar sebarang persamaan atau perbezaan yang ditunjukkan dalam trend kajian tersebut dapat memberi sumbangan dalam memperkasakan lagi kesejahteraan warga emas di kedua-dua buah negara secara umum dan di Nusantara secara khusus.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menyoroti karya ilmiah oleh penyelidik tempatan dalam tempoh lima tahun (2015 – 2020). Sorotan kajian merupakan langkah awal dalam sesuatu projek penyelidikan (Knopf, 2006). Hal ini kerana sorotan kajian membincangkan maklumat akhir dalam bidang subjek tertentu dalam tempoh masa tertentu (Ramdhani et al., 2014). Dalam kajian ini, sorotan kajian melibatkan karya yang diterbitkan dari tahun 2015 sehingga tahun 2020. Sorotan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, "Kajian Kesejahteraan Warga Emas di Malaysia," serta "Kajian Kesejahteraan Warga Emas di Indonesia," yang dibincangkan secara berasingan, diikuti analisis perbincangan di bawah

tajuk “Kesejahteraan Warga Emas di Malaysia dan Indonesia: Trend kajian.” Analisis tersebut bertujuan merumuskan idea utama kajian kesejahteraan warga emas bagi kedua-dua buah negara bagi mendapatkan trend utama kajian.

DAPATAN KAJIAN

Kesejahteraan Warga Emas di Malaysia dan Indonesia (2015 – 2020)

Kajian Kesejahteraan Warga Emas di Malaysia

Kajian oleh Ismail et al. (2017) adalah mengenai perancangan kesejahteraan hidup warga emas berasaskan gender melalui kaedah bancian secara persampelan rawak berstrata yang melibatkan seramai 1153 orang responden berbangsa Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa tiada perbezaan pilihan kehidupan pada masa tua antara lelaki dan wanita. Responden wanita didapati lebih cenderung untuk tinggal bersama anak-anak. Responden lelaki tidak berminat untuk menetap di institusi pondok, sedangkan responden wanita beranggapan tinggal di institusi pondok dapat menambahkan ilmu agama mereka. Berdasarkan keseluruhan kajian, didapati responden lebih mengutamakan untuk tinggal di kediaman sendiri demi kesejahteraan dan keselesaan mereka. Hasil kajian boleh digunakan pihak berwajib untuk merangka pelan tindakan yang sesuai demi kelestarian warga emas untuk hari esok (Ismail et al., 2017). Berdasarkan kajian ini, dapat dilihat institusi pondok juga turut menyumbang kepada kesejahteraan warga emas pada hari tua mereka. Namun begitu, warga emas tetap memilih tinggal di kediaman sendiri untuk keselesaan sendiri.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Ibrahim (2016) dalam kajian peringkat sarjana beliau. Kajian beliau bertujuan mengkaji tahap kesejahteraan warga emas yang menghadiri aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), serta mengkaji perbezaan kesejahteraan warga emas berdasarkan faktor demografi. Kajian beliau turut mengkaji hubungan antara keberkesanan program PAWE dengan kesejahteraan hidup warga emas dan mengkaji peranan serta tanggungjawab pihak pengurusan PAWE bagi memastikan kesejahteraan warga emas. Kajian telah dijalankan di tiga buah lokasi PAWE dengan melibatkan seramai 78 orang warga emas yang dipilih berdasarkan teknik persampelan mudah untuk menjawab soal selidik. Manakala, seramai enam orang pengurus PAWE telah dipilih untuk ditemu bual. Hasil kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi dan selebihnya mempunyai tahap kesejahteraan yang sederhana. Hasil kajian turut mendapati terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan status perkahwinan. Bahkan, terdapat kaitan positif yang signifikan antara keberkesanan program dengan kesejahteraan warga emas. Data temu bual pula mendapati peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan yang diamalkan adalah mengikut garis panduan PAWE yang disediakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Hasil kajian turut mendapati aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PAWE adalah berhubung kait dengan kesejahteraan warga emas di Malaysia. Oleh itu, dasar khusus dan penambahbaikan program PAWE adalah perlu agar perkhidmatan terhadap warga emas dapat diperkukuh (Ibrahim, 2016). Kajian ini menunjukkan keberkesanan penubuhan PAWE dalam menjamin kesejahteraan warga emas di Malaysia.

Selain itu, terdapat kajian yang dilakukan oleh para penyelidik dari Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia untuk pihak JKM untuk memperbaiki mutu perkhidmatan negara ini terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga emas, melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam pengumpulan data yang melibatkan warga emas dan organisasi berkaitan di Malaysia. Berdasarkan kajian, perkhidmatan warga emas sedia ada masih belum dapat memenuhi keperluan penjagaan jangka panjang, keperluan untuk tinggal dalam komuniti dan keperluan untuk gabungan penjagaan kesihatan dan sosial yang berkualiti. Antara cadangan pada akhir kajian ialah perlunya model kewangan untuk perkhidmatan dan kemudahan serta cadangan pelan tindakan perkhidmatan dan kemudahan (JKM, 2017).

Di samping itu, terdapat kajian tentang kesejahteraan warga emas yang selesa menghuni di institusi penjagaan khas untuk warga emas. Kajian yang dilakukan oleh Siren (2015) melibatkan kajian lapangan menggunakan kaedah temu bual berstruktur secara santai dengan 33 orang warga emas, temu bual bersama dua orang wakil pusat jagaan serta kaedah pemerhatian langsung yang bertempat di Kompleks Warga Emas al-Jenderami. Kajian mendapati golongan warga emas merasa selesa tinggal di institusi penjagaan khas buat mereka, kerana telah beroleh kesejahteraan disebabkan telah mencapai tujuan mereka untuk tinggal di situ. Antara tujuan mereka tinggal di situ ialah untuk menambah ilmu, mudah menunaikan ibadah dan merasai ketenangan hidup dalam mengharungi hari-hari tua mereka (Siren, 2015). Kajian Siren ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Ismail et al. (2017) yang mana institusi penjagaan warga emas dan institusi pondok berperanan mengisi masa terluang warga emas melalui aktiviti pembelajaran ilmu agama buat warga emas. Perbincangan ini dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kajian Kesejahteraan Warga Emas di Malaysia

No.	Nama Pengarang (Tahun)	Metodologi kajian	Dapatan kajian	Cadangan kajian lanjutan
1.	Ismail et al. (2017)	Kaedah bancian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada perbezaan pilihan kehidupan pada masa tua antara lelaki dan wanita. 2. Responden wanita didapati lebih cenderung untuk tinggal bersama anak-anak. 3. Responden lelaki tidak berminat untuk menetap di institusi pondok, sedangkan responden wanita beranggapan tinggal di institusi pondok dapat menambahkan ilmu agama mereka. 4. Responden lebih mengutamakan untuk tinggal di kediaman sendiri demi kesejahteraan dan keselesaan mereka. 	Hasil kajian boleh digunakan pihak berwajib untuk merangka pelan tindakan yang sesuai untuk kesejahteraan warga emas pada masa akan datang.
2.	Ibrahim (2016)	Kaedah soal selidik dan temu bual	<ol style="list-style-type: none"> 1. Majoriti responden mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi dan selebihnya mempunyai tahap kesejahteraan yang sederhana. 2. Terdapat perbezaan kesejahteraan warga emas yang signifikan berdasarkan status perkahwinan. 3. Terdapat kaitan positif yang signifikan antara keberkesanan program dengan kesejahteraan warga emas. 4. Peranan dan tanggungjawab pihak pengurusan yang diamalkan adalah mengikut garis panduan PAWE yang disediakan oleh pihak JKM. 5. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PAWE adalah berhubung kait dengan kesejahteraan warga emas di Malaysia. 	Dasar khusus dan penambahbaikan program PAWE adalah perlu agar perkhidmatan terhadap warga emas dapat diperkukuh.
3.	JKM (2017)	Kaedah kualitatif dan kuantitatif	Perkhidmatan warga emas sedia ada masih belum dapat memenuhi keperluan penjagaan jangka panjang, keperluan untuk tinggal dalam komuniti dan keperluan untuk gabungan penjagaan kesihatan dan sosial yang berkualiti.	Perlunya model kewangan untuk perkhidmatan dan kemudahan serta cadangan pelan tindakan perkhidmatan dan kemudahan.

4.	Siren (2015) Kaedah temu bual berstruktur	Golongan warga emas merasa selesa tinggal di institusi penjagaan khas buat mereka, kerana telah beroleh kesejahteraan disebabkan telah mencapai tujuan mereka untuk tinggal di situ. Antara tujuan mereka tinggal di situ ialah untuk menambah ilmu, mudah menunaikan ibadah dan merasai ketenangan hidup dalam mengharungi hari-hari tua mereka.
----	---	---

Sumber: Sorotan kajian lepas

Kajian Kesejahteraan Warga Emas di Indonesia

Kajian kesejahteraan warga emas di Indonesia dilakukan oleh Diponegoro & Mulyono (2015). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kaedah fenomenologi dan pengumpulan data melalui teknik pemerhatian dan temu bual dengan tiga orang subjek kajian. Kajian ini mendapati terdapat 14 faktor dan 13 kesan kebahagiaan dan kesejahteraan warga emas di Indonesia. 14 faktor tersebut ialah keberhasilan (keperluan yang dipenuhi), usia, agama, budaya, bersyukur kepada Tuhan, aktiviti fizikal, perhubungan sosial, mudah memaafkan, kualiti kehidupan, bersilaturahmi, sihat, berkahwin, hubungan baik sesama ahli keluarga (anak, menantu, cucu) dan hubungan baik dengan saudara-mara. 13 kesan kebahagiaan terhadap warga emas pula ialah berasa senang, sabar, tenang, optimis, tenteram, *trenyuh* (terharu bercampur sedih), perhatian, bersemangat, tidak berdendam, santai, sopan, mudah membantu/ memberi, dan tidak takut mati/ reda dengan takdir berada di usia tua. Antara cadangan pada akhir kajian ialah perlunya pelaksanaan kaunseling gerontologi bagi membantu warga emas meningkatkan kesejahteraan dan mencapai kebahagiaan buat diri mereka.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Triwanti et al. (2015) yang membincangkan peranan pusat jagaan warga emas sebagai tunjang kesejahteraan warga emas di Indonesia. Kajian ini membincangkan peranan penting yang dimainkan oleh pusat jagaan warga emas melalui kaedah jagaan yang diberikan kepada warga emas untuk meningkatkan kebolehfungsian warga emas dan kesejahteraan mereka melalui usaha *promotif*, *preventif*, *kuratif* dan *rehabilitatif*. Semua kaedah ini demi memenuhi keperluan warga emas dari aspek fizik, *psikis* (jiwa dan fikiran) serta sosial. Pekerja sosial turut berperanan memberikan perlindungan sosial kepada warga emas dengan membantu mereka agar beroleh sumber-sumber yang diperlukan dalam meningkatkan kebolehfungsian diri serta menyokong warga emas agar berdikari dalam memaksimumkan kesejahteraan diri (Triwanti et al., 2015). Kajian ini menunjukkan peranan pusat jagaan warga emas boleh memenuhi keperluan warga emas pada hari tua mereka.

Kajian seterusnya dilakukan oleh beberapa orang penyelidik iaitu Djamhari et al. (2020). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menggunakan kaedah temu bual terhadap pemegang taruh serta menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah survei terhadap 1400 orang warga emas sebagai data primer dan turut menggunakan data sekunder yang diambil dari Survei Sosial Ekonomi Nasional (SUSENAS). Kajian ini dilakukan di wilayah Sulawesi Barat, Jawa Timur, Banten dan daerah khusus ibu kota Jakarta dan menggunakan kerangka pengukuran kesejahteraan menurut *The Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD). Kajian bertujuan melihat situasi kesejahteraan warga emas di Indonesia serta menganalisis kebijakan dan program perlindungan sosial warga emas pada peringkat kebangsaan dan daerah. Kajian ini mendapati kesejahteraan warga emas dipengaruhi oleh beberapa indikator, iaitu kebolehan warga emas memenuhi keperluan mereka, kemampuan kewangan, kemampuan mengurus diri, kesihatan yang baik, persekitaran yang nyaman (selesa), terlibat dengan pelbagai aktiviti serta kemantapan dari keyakinan dan spiritual (rohani). Cadangan pada akhir kajian ialah undang-undang kesejahteraan warga emas segera dimasukkan ke dalam Program Legislasi Nasional (Prolegnas) sebagai dasar pelaksanaan program untuk warga emas (Djamhari et al., 2020).

Kajian seterusnya oleh Tanaya & Yasa (2015) dalam satu kajian terhadap warga emas di Desa Dangin Puri Kauh. Kajian ini menggunakan teknik analisis kuantitatif iaitu analisis regresi linear berganda yang melibatkan 86 orang warga emas di Desa Dangin Puri Kauh. Kajian ini mendapati aspek ekonomi, agama dan kesihatan memberi pengaruh secara signifikan terhadap kesejahteraan warga emas di Desa Dangin Puri Kauh. Hal ini bermaksud semakin tinggi tahap ekonomi, agama dan kesihatan warga emas, maka semakin meningkat kesejahteraan yang dialami. Kajian turut mencadangkan agar lebih banyak program diadakan untuk warga emas seperti program kerohanian dan keagamaan yang dapat meningkatkan kesejahteraan warga emas seperti berasa tenang, bahagia dan nyaman (selesa). Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Diponegoro & Mulyono (2015) serta Djahhari et al. (2020) yang turut membincangkan akan faktor kewangan/ekonomi, agama/rohani dan kesihatan yang mempengaruhi kesejahteraan warga emas. Perbincangan ini dirumuskan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Kajian Kesejahteraan Warga Emas di Indonesia

No.	Nama Pengarang (Tahun)	Metodologi kajian	Dapatan kajian	Cadangan kajian lanjutan
1.	Diponegoro & Mulyono (2015)	Pendekatan kualitatif: kaedah fenomenologi, teknik pemerhatian dan temu bual	Terdapat 14 faktor dan 13 kesan kebahagiaan dan kesejahteraan warga emas di Indonesia.	Perlunya pelaksanaan kaunseling gerontologi bagi membantu warga emas meningkatkan kesejahteraan dan mencapai kebahagiaan buat diri mereka.
2.	Triwanti et al. (2015)	Kajian kepustakaan	<ol style="list-style-type: none"> Peranan penting yang dimainkan oleh pusat jagaan warga emas melalui kaedah jagaan yang diberikan kepada warga emas untuk meningkatkan kebolehfungsian warga emas dan kesejahteraan mereka melalui usaha promotif, preventif, kuratif dan rehabilitatif. Peranan pekerja sosial memberikan perlindungan sosial kepada warga emas dengan membantu mereka agar beroleh sumber-sumber yang diperlukan. 	-
3.	Djahhari et al. (2020)	Pendekatan kualitatif (kaedah temu bual mendalam) serta pendekatan kuantitatif (kaedah survey)	Kesejahteraan warga emas dipengaruhi oleh beberapa indikator, iaitu kebolehan warga emas memenuhi keperluan mereka, kemampuan kewangan, kemampuan mengurus diri, kesihatan yang baik, persekitaran yang nyaman (selesa), terlibat dengan pelbagai aktiviti serta kemantapan dari keyakinan dan spiritual (rohani).	Undang-undang kesejahteraan warga emas segera dimasukkan ke dalam Program Legislasi Nasional (Prolegnas) sebagai dasar pelaksanaan program untuk warga emas.
4.	Tanaya & Yasa (2015)	Teknik analisis kuantitatif: analisis regresi linear berganda	Aspek ekonomi, agama dan kesihatan memberi pengaruh secara signifikan terhadap kesejahteraan warga emas di Desa Dangin Puri Kauh.	Kajian mencadangkan agar lebih banyak program diadakan untuk warga emas seperti program kerohanian dan keagamaan yang dapat meningkatkan kesejahteraan warga emas seperti berasa tenang, bahagia dan nyaman.

Sumber: Sorotan kajian lepas

ANALISIS PERBINCANGAN

Kesejahteraan Warga Emas di Malaysia dan Indonesia: Trend kajian

Kajian mendapati kajian kesejahteraan warga emas Malaysia menunjukkan trend kajian melibatkan faktor kesejahteraan warga emas seperti memilih untuk tinggal di rumah sendiri demi kesejahteraan dan keselesaan sendiri (Ismail et al., 2017), aktiviti di pusat aktiviti warga emas dan pusat jagaan warga emas, perkahwinan serta ikatan kekeluargaan (tinggal bersama keluarga, anak-anak) boleh mendatangkan kesejahteraan kepada warga emas (Ibrahim, 2016; Ismail et al., 2017; Siren, 2015). Warga emas beralasan tinggal di pusat jagaan boleh menambahkan ilmu agama mereka, di samping mereka mudah beribadah dan beroleh ketenangan (Ismail et al., 2017; Siren, 2015). Trend kajian juga melibatkan usaha pihak berwajib dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas dengan meneliti kemudahan fasiliti sedia ada buat warga emas dan mencadangkan pelan tindakan perkhidmatan dan kemudahan buat warga emas (JKM, 2017).

Kajian kesejahteraan warga emas di Indonesia turut membincangkan faktor kesejahteraan warga emas antaranya ialah keberhasilan (keperluan yang dipenuhi)/ekonomi/kewangan, usia, agama/kerohanian, bersyukur kepada Tuhan, aktiviti fizikal, perhubungan sosial, mudah memaafkan, bersilaturahmi, sihat, serta berkahwin, serta kesan kebahagiaan terhadap warga emas, antaranya ialah perasaan senang, sabar, tenang, optimis, tenteram, *trenyuh* (terharu bercampur sedih), fokus, bersemangat, tidak berdendam, mudah membantu/ memberi, dan tidak takut mati/ reda dengan takdir berada di usia tua (Diponegoro & Mulyono, 2015; Djamhari et al., 2020; Tanaya & Yasa, 2015). Faktor kesejahteraan warga emas di Indonesia turut dimainkan oleh pusat jagaan warga emas melalui kaedah jagaan oleh pekerja sosial terhadap warga emas dengan membantu mereka agar dapat meningkatkan kebolehfungsian diri supaya dapat memaksimumkan kesejahteraan diri (Triwanti et al., 2015). Trend kajian juga melibatkan usaha pihak berwajib dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas dengan melihat situasi kesejahteraan warga emas semasa di Indonesia dan mencadangkan peruntukan undang-undang demi kesejahteraan warga emas (Djamhari et al., 2020).

Kajian mendapati terdapat beberapa persamaan dalam kajian kesejahteraan warga emas di Malaysia dan Indonesia. Persamaan ini dapat dilihat daripada aspek faktor yang mempengaruhi kesejahteraan dan kebahagiaan warga emas, usaha pihak berwajib dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas melalui usul undang-undang dan pelan, serta usaha organisasi lain seperti pusat jagaan untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas.

Faktor yang mempengaruhi kesejahteraan warga emas bagi kedua-dua negara ialah penghayatan agama dan kemantapan rohani (Ismail et al., 2017; Siren, 2015; Diponegoro & Mulyono, 2015; Djamhari et al., 2020; Tanaya & Yasa, 2015), serta perkahwinan/ikatan kekeluargaan/perhubungan sosial (Ibrahim, 2016; Ismail et al., 2017; Diponegoro & Mulyono, 2015). Usaha pihak berwajib turut dilihat seiring bagi kedua-dua negara dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas melalui tindakan meneliti prospek sedia ada bagi warga emas di samping cadangan yang bersesuaian untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas (JKM, 2017; Djamhari et al., 2020). Usaha organisasi lain seperti PAWE serta institusi penjagaan warga emas bagi kedua-dua belah negara juga seiring melalui aktiviti yang dijalankan di PAWE dan kaedah jagaan oleh pekerja di institusi penjagaan warga emas yang boleh meningkatkan kesejahteraan dari aspek rohani dan jasmani warga emas (Ibrahim, 2016; Siren, 2015; Triwanti et al., 2015).

Dapatan ini membenarkan kajian lalu tentang aspek agama dan kerohanian yang boleh meningkatkan kesejahteraan warga emas. Dalam satu kajian oleh Saleem & Khan (2015), telah mendapati peningkatan kerohanian mampu meningkatkan kesejahteraan warga emas. Begitu juga sebaliknya, jika kerohanian seseorang merosot, maka kesejahteraan yang dialami turut menurun. Amalan kerohanian dan agama seseorang berkaitan dengan kesejahteraan dalam aspek fungsi psikologikal secara umum, seperti kebahagiaan dalam perkahwinan, perasaan tenang, cinta, seronok, mempunyai makna dan tujuan dalam hidup, mudah memaafkan diri dan orang lain, sedar dan reda dengan ujian hidup, kebolehan menghadapi kesukaran, dan

mengalami kesejahteraan fizikal dan emosi yang sarat (Saleem & Khan, 2015; Kapri & Kathpalia, 2019). Di samping mendatangkan rasa gembira dan tenang, penghayatan kerohanian turut berperanan mengurangkan kebimbangan, kemurungan dan tekanan, membolehkan hubungan dengan yang Maha Kuasa, dan individu lain (McDonnell-Naughton et al., 2020; Thauvoye et al., 2018). Hal ini menunjukkan, kerohanian boleh mengekalkan perasaan positif, dan pada masa yang sama boleh mengawal perasaan negatif yang ada dalam diri seseorang (Hamizam & Abdollah, 2016).

Berkenaan dengan perkahwinan/ikatan kekeluargaan/perhubungan sosial yang menyumbang kepada kesejahteraan warga emas, telah membenarkan dapatan kajian lalu bahawa tinggal bersama ahli keluarga boleh mendatangkan makna yang besar kepada warga emas, iaitu meningkatkan kesejahteraan mereka, serta perkahwinan boleh memperbaiki kualiti tidur warga emas, dan memperbaiki tahap kesihatan dan kesejahteraan seseorang warga emas dalam jangka pendek dan panjang (Fadila & Elhameed, 2019; Chen et al., 2015; Margelisch et al., 2017). Bagi warga emas yang mempunyai hubungan sosial yang baik dengan individu lain dan sentiasa terlibat dengan aktiviti sosial dalam komuniti akan mengalami kesejahteraan emosi seperti perasaan kekariban (*closeness*), kesejahteraan psikososial, lebih gembira dan lebih berkeyakinan (Suragarn et al., 2021; Li et al., 2020).

Peranan pusat jagaan dalam meningkatkan kesejahteraan warga turut membenarkan dapatan kajian lalu mengenai kesejahteraan warga emas menghuni pusat jagaan berbanding tinggal di rumah sendiri kerana aktiviti yang diadakan di pusat jagaan. Warga emas suka menghuni pusat jagaan kerana suka terlibat dengan perkhidmatan dalam komuniti serta mendengar ceramah agama yang ada di pusat jagaan (Rahman et al., 2019). Dapatan kajian terdahulu mendapati aktiviti fizikal berasaskan alam semula jadi seperti terapeutik hortikultur telah mendatangkan kesejahteraan warga emas dengan mengekalkan pola tidur dan psikologikal yang sihat, mengurangkan kebimbangan dan memperbaiki fungsi kognitif warga emas di samping berasa gembira selepas mengikuti sesi tersebut (Sia et al., 2020; Langhammer et al., 2018). Begitu juga kaedah penjagaan khas warga emas oleh pekerja kesihatan mental boleh meningkatkan kesejahteraan mereka secara umum serta kesejahteraan psikologi mereka secara khusus (Wolf et al., 2017; Kovalenko & Spivak, 2018). Usaha pihak berwajib dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas turut membenarkan dapatan kajian lalu yang banyak menumpukan dalam penambahbaikan pusat jagaan warga emas antaranya ialah keperluan memperbaiki fasiliti sedia ada warga emas, serta meneliti cabaran bagi keberlangsungan pusat jagaan warga emas (Wagiman et al., 2016; Mohammad et al., 2016; Isa et al., 2020). Gambar rajah berikut merumuskan perbincangan ini.



Gambar Rajah 1. Trend kajian kesejahteraan warga emas di Malaysia dan Indonesia (2015 – 2020)

Sumber: Sorotan kajian lepas

KESIMPULAN

Kajian mendapati trend kajian kesejahteraan oleh sarjana tempatan dari kedua-dua buah negara mempunyai persamaan dalam tiga aspek iaitu faktor kesejahteraan warga emas yang terdiri daripada penghayatan agama dan kerohanian, serta perkahwinan/ikatan kekeluargaan/perhubungan sosial, aspek peranan pihak berwajib dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas serta aspek peranan pusat aktiviti dan jagaan warga emas, melalui pengisian aktiviti dan peranan pekerja sosial yang menggalakkan kesejahteraan warga emas. Kajian turut menyimpulkan amalan kerohanian dan interaksi sosial merupakan elemen penting yang mempengaruhi kesejahteraan warga emas. Di samping itu, usaha dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas di kedua-dua buah negara adalah dicadangkan memandangkan faktor kesejahteraan warga emas telah dikenal pasti. Peranan ini dapat dimainkan oleh pihak keluarga, komuniti, badan bukan kerajaan (NGO) serta badan kerajaan yang berwajib di kedua-dua buah negara. Sebagai contoh, pihak keluarga boleh berperanan sebagai agen komunikasi dengan warga emas agar golongan ini tidak berasa terpinggir. Seterusnya, pihak komuniti setempat perlu mengadakan jaringan sosial komunikasi yang mewujudkan interaksi sosial dengan warga emas agar mereka tidak berasa sunyi kerana turut bergaul dengan masyarakat setempat. Badan bukan kerajaan (NGO) serta badan kerajaan yang berwajib boleh mengadakan aktiviti bersifat kerohanian seperti penganjuran aktiviti nasyid, marhaban dan qasidah yang begitu digemari oleh golongan warga emas kerana dapat mengisi masa mereka di samping sebagai hiburan pada masa terluang.

Cadangan Kajian Lanjutan

Satu kajian lebih mendalam perlu dilakukan bagi mengenal pasti elemen kesejahteraan warga emas di kedua-dua buah negara melalui kajian perbandingan dengan kaedah pengumpulan data di lapangan yang melibatkan warga emas di pusat jagaan mahu pun di kediaman sendiri.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan mengucapkan terima kasih kepada semua pengarang di atas usaha dan idea dalam menghasilkan manuskrip ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak, individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lain dalam penulisan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Pengarang pertama dan kedua merangka dan menulis keseluruhan manuskrip. Pengarang ketiga membuat semakan akhir, sebelum kesemua pengarang bersetuju menghantar manuskrip bagi tujuan penerbitan.

RUJUKAN

- Akhir, N. S. M., & Sabjan, M. A. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development* 7 (1), 33-47.
- Al-‘Asqalānī, I. Ḥ. (1449). Fathul Bari Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari. Pustaka Azzam.
- Al-Bukhārī, M.I.I. (1997). The Translation of the Meanings of Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Arabic – English Vol. 8 (M.M. Khan, Trans.). Riyadh, Saudi Arabia: Maktaba Dar us Salam.

- Astina, I. K. (2014). Kualiti hidup warga tua di daerah Kota Batu Jawa Timur Indonesia. (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah).
- Bakeri, S. H. M. (2020). Malaysia 2030: Cabaran Negara Tua. *Perspektif* 16, 1-11.
- Chen, J.H., Waite, L.J. & Lauderdale, D.S. (2015). Marriage, Relationship Quality, and Sleep Among U.S. Older Adults. *Journal of Health and Social Behavior* 56 (3), 356–377.
- Diener, E. (1984). Subjective Well-Being. *Psychological Bulletin* 95 (3), 542–575.
- Diponegoro, A. M., & Mulyono. (2015). Faktor-Faktor Psikologis Yang Mempengaruhi Kebahagiaan Pada Lanjut Usia Suku Jawa di Klaten. *Psikopedagogia Jurnal Bimbingan dan Konseling* 4 (1), 13–19.
- Djamhari, E. A., Ramdlaningrum, H., Layyinah, A., Chrisnahutama, A. & Prasetya, D. (2020). Kondisi Kesejahteraan Lansia dan Perlindungan Sosial Lansia di Indonesia (Laporan Riset 2020). Jakarta, Indonesia: Perkumpulan PRAKARSA.
- Fadila, D.E.S. & Elhameed, S.H.A. (2019). Spiritual Needs, Well-Being and Perception of Health Among Community-Dwelling Older Adults. *IOSR Journal of Nursing and Health Science (IOSR-JNHS)* 8 (4), 70–79.
- Hamizam, A., & Abdollah, I. I. (2016). Islamic Spirituality: The Forgotten Dimensions. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)* 2 (2), 33 – 54.
- Ibrahim, N. (2016). Kesejahteraan Warga Emas Yang Mengikuti Aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Di Negeri Selangor (Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah).
- Isa, F. M., Noor, S., Wei, G.W., Hussain, S. D. S., Ibrahim, H. M., & Ahmdon, M. A. S. (2020). Exploring The Facet of Elderly Care Centre in Multiethnic Malaysia. *PSU Research Review*.
- Ismail, N. S. A., Abdullah, N., Hassan, K., Samsudin, S., Zakuan, U. A. A., Yusof, R. & Zaki, N. M. (2017). Kesejahteraan Hidup Warga Emas: Perancangan Berasaskan Gender (Well-Being Among the Elderly: Gender-Based Planning). *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 13 (3), 75-85.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2017). Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Menjelang 2030 (Laporan Akhir). Serdang, Selangor: Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Kamus Dewan. (2017). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kapri, A. & Kathpalia, J. (2019). Impact of Spirituality on Well-Being of Old Aged People. *Indian Journal of Health and Well-being* 10 (4-6), 129–131.
- Knopf, J.W. (2006). Doing A Literature Review. *PS Political Science & Politics* 39 (1), 127-132.
- Kovalenko, O.H. & Spivak, L.M. (2018). Psychological Well-Being of Elderly People: The Social Factors. *Social Welfare Interdisciplinary Approach* 8 (1), 163-176.
- Langhammer, B., Bergland, A. & Rydwick, E. (2018). The Importance of Physical Activity Exercise Among Older People. *BioMed Research International* 2018, 1-3.
- Li, C., Kang, K., Lin, X., Hu, J., Hengeveld, B. & Hummels, C. (2020). Promoting Older Residents' Social Interaction and Wellbeing: A Design Perspective. *Sustainability* 12 (2834), 1-17.

- Margelisch, K., Schneewind, K.A., Violette, J. & Perrig-Chiello, P. (2017). Marital Stability, Satisfaction and Well-Being in Old Age: Variability And Continuity In Long-Term Continuously Married Older Person. *Aging & Mental Health* 21 (4), 389-398.
- McDonnell-Naughton, M., Gaffney, L. & Fagan, A. (2020). Spirituality and caring for the older person: a discussion paper. *Journal of Religion and Health* 59 (6), 2775-2793.
- Misnaniarti. (2018). Analisis Situasi Penduduk Lanjut Usia dan Upaya Peningkatan Kesejahteraan Sosial di Indonesia. *Jurnal Ilmu Kesehatan Masyarakat* 8 (2), 67-73.
- Mohammad, S. A., Dom, M. M., & Ahmad, S. S. (2016). Inclusion of Social Realm Within Elderly Facilities To Promote Their Wellbeing. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 234, 114-124.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2022). *Warga emas*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=VEpUUXV3THFURkZETmxWNjZpQ1BXdz09>.
- Qutb, S. (1966). In the shade of the Qur'an (Fī Zilāl al-Qur'ān) Vol. III Sūrahs 4.
- Rahman, S. N. H. A., Boharib, M., Ajmain @ Jima'ain, M. T., Mohamad, A. M., Hehsan, A., Rosman, A. S., Muhamad, N. H. N., & Haron, Z. (2019). Care Practice and Health Level of Elderly in Care Centre: Enhance Digital Lifestyle. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)* 8 (2S9), 257-260.
- Ramdhani, A., Ramdhani, M.A., & Amin, A.S. (2014). Writing A Literature Review Research Paper: A Step-By-Step Approach. *International Journal of Basic and Applied Science* 3 (1), 47 – 56.
- Saleem, R. & Khan, K.S.A. (2015). Impact of Spirituality on Well-Being Among Old Age People. *The International Journal of Indian Psychology* 2 (3), 172-181.
- Seligman, M.E.P. (2011). *Flourish: A Visionary New Understanding of Happiness and Well-Being*. New York, NY: Free Press.
- Setiamanah, M.D. (2017). *Masalah Warga Tua dan Pemerkasaan Keluarga Dalam Penjagaan Warga Tua di Kelurahan Cibaduyut Kidul Bandung, Indonesia (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang)*.
- Sia, A., Tam, W.W.S., Fogel, A., Kua, E.H., Khoo, K. & Ho, R.C.M. (2020). Nature-Based Activities Improve the Well-Being Of Older Adults. *Scientific Reports* 10 (18178), 1-8.
- Siren, N. R. (2015). Psikologi dan Penerimaan Warga Emas Di Kompleks Warga Emas Al-Jenderami. *Jurnal Usuluddin* 41, 73-93.
- Suragarn, U., Hain, D. & Pfaff, G. (2021). Approaches to Enhance Social Connection in Older Adults: An Integrative Review of Literature. *Aging and Health Research* 1 (3), 1-9.
- Tanaya, A.A.R.R. & Yasa, I.G.W.M. (2015). Kesejahteraan Lansia dan Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi di Desa Dangin Puri Kauh. *Jurnal PIRAMIDA* 11 (1), 8-12.
- Thauvoye, E., Vanhooren, S., Vandenhoeck, A. & Dezutter, J. (2018). Spirituality And Well-Being in Old Age: Exploring The Dimensions Of Spirituality In Relation To Late-Life Functioning. *Journal of Religion and Health* 57, 2167-2181.

- Triwanti, S. P., Ishartono, I., & Gutama, A. S. (2015). Peran Panti Sosial Tresna Werdha Dalam Upaya Meningkatkan Kesejahteraan Lansia. *Prosiding Penelitian & Pengabdian Kepada Masyarakat* 2 (3), 411-417.
- United Nations (UN). (1982). Report of the World Assembly on Aging Vienna, 26 July to 6 August 1982. New York: United Nations.
- Wagiman, A., Mohidin, H. H. B., & Ismail, A. S. (2016). Elderly Care Centre. IOP Conf. Series: *Earth and Environmental Science* 30012008, 1–6.
- Wolf, E.V.D., Hooren, S.A.H.V., Waterink, W. & Lechner, L. (2017). Well-Being In Elderly Long-Term Care Residents with Chronic Mental Disorder: A Systematic Review. *Aging & Mental Health* 23 (3), 287-296.



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).